

**CABARAN ISLAM MENGHADAPI SAINS DAN TEKNOLOGI ABAD KE 21:
ANALISA PEMIKIRAN PROF DR SEYYED HOSSEIN NASR
THE CHALLENGE OF ISLAM ON SCIENCE AND TECHNOLOGY TOWARDS
21ST CENTURY: ANALYSIS OF SEYYED HOESEIN NASR'S THOUGHT**

Khalid Ismail¹, Solihah Haji Yahya Zikri², Abdul Salam Zulkifli³ Azhar Abdul Rahman⁴

¹Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Caw Perlis khalidismail@uitm.edu.my

²Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Caw Perlis solihah86@uitm.edu.my

³Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Caw Perlis abdulsalam@uitm.edu.my

⁴Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Caw Perlis azharabduhrahman@uitm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Jun 2022

| Selepas Pembetulan: 1 Ogos 2022

| Diterima untuk terbit: 20 Ogos 2022

Abstrak

Sejak dari zaman rennainsance hingga kini, penguasaan bidang sains dan teknologi terus cemerlang di tangan kuasa-kuasa Barat di mana umat Islam masih belum mampu keluar dari kepompong westernisasi dan kolonisasi Barat. Dari sekecil-kecil aspek hingga sebesar-besarnya ternyata umat Islam masih bergantung kepada Barat dan umat Islam masih gagal mencari formula keajaiban untuk keluar dari krisis ini sepertimana yang dicapainya sebelum kebangkitan sains Barat Moden. Makalah ini akan cuba melihat beberapa cabaran yang dihadapi oleh umat Islam samada cabaran dalaman mahupun luaran berdasarkan analisa terhadap pemikiran dan pandangan tokoh pemikir Islam antarabangsa yang tersohor dalam bidang sejarah dan falsafah sains Islam iaitu Professor Dr Seyyed Hossein Nasr. Analisa ini berdasarkan satu ucapan Prof Nasr yang bermauduk, "*Islam and the Challenge of the 21st Century*" yang merupakan salah satu siri wacana pemikiran beliau yang menjangkau pelbagai disiplin ilmu termasuklah sains dan teknologi. Penulisan ini berbentuk kualitatif dengan metod analisis kandungan yang dilakukan secara deskriptif terhadap beberapa cabaran dan solusi yang dibincangnya yang tidak sahaja menuntut perpaduan di kalangan negara Islam malah menuntut pemikiran yang mendalam dalam pelbagai bidang politik, ekonomi, sejarah dan sosial. Objektif penulisan ini adalah untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh umat Islam abad ini dalam menangani pelbagai isu terutamanya yang berkaitan dengan sains dan teknologi akibat daripada perkembangan sains Barat Moden. Apa yang menariknya Prof Nasr menekankan Islam sebagai solusinya samada melibatkan dimensi esoterik mahupun eksoterik. Adalah diharapkan akan terdapat satu kajian yang lebih komprehensif berhubung isu ini pada masa akan datang. Justeru itu dengan penguasaan semula umat Islam dalam bidang sains dan teknologi akan melahirkan umat yang bermaruah berdikari sekaligus menjadikan semula Islam sebagai

agama yang menekankan dimensi keseimbangan atau equilibrium fardu ain vis a vis fardu kifayah.

Kata Kunci: Islam, Sains, Teknologi, Barat Modern, Tanggungjawab Bersama

Abstrak

Since the Renaissance period until now, the dominance of science and technology continues to excel in the hands of Western powers where Muslims have not yet been able to get out of the cocoon of Westernization and Western colonization. From the smallest aspects to the largest, it turns out that Muslims are still dependent on the West and Muslims have still failed to find a miracle formula to get out of this crisis as they did before the rise of Modern Western science. This paper will try to look at some of the challenges faced by Muslims, whether internal or external, based on an analysis of the thoughts and views of a famous international Islamic thinker in the field of history and philosophy of Islamic science, namely Professor Dr Seyyed Hossein Nasr. This analysis is based on one of Prof. Nasr's keynote speeches, "Islam and the Challenge of the 21st Century" which is one of his series of thought discourses that spans various disciplines including science and technology. This writing is qualitative with a content analysis method that is done descriptively on some of the challenges and solutions discussed which not only demand unity among Muslim countries but also demand deep thinking in various political, economic, historical and social fields. The objective of this writing is to identify the challenges that must be faced by Muslims in this century in dealing with various issues, especially those related to science and technology as a result of the development of Modern Western science. What is interesting is that Prof. Nasr emphasizes Islam as the solution whether it involves esoteric or exoteric dimensions. It is hoped that there will be a more comprehensive study on this issue in the future. Therefore, with the re-mastery of Muslims in the field of science and technology, it will give birth to a dignified and self-reliant community and re-establish Islam as a religion that emphasizes the dimension of balance or equilibrium fardu ain vis a vis fardu kifayah.

Keywords: Islam, Science, Technology, Modern West, Plural Obligatory

1.0 Pengenalan

Dalam buku "*The Third Wave*" Alvin Toffler (1980) telah menulis tentang dominasi ilmu sains yang akan mencorakkan dunia masa depan. Berakhirnya gelombang pertama pertanian dan gelombang kedua revolusi industri dunia akan mencapai zaman kemuncaknya dalam bidang sains dan teknologi di akhir abad ini dan menjelang abad akan datang dalam gelombang ketiga. Malahan beliau menegaskan pada satu sudut

yang lain betapa sains dan teknologi akan mendominasi suasana dunia keseluruhannya. Beliau menyebut seterusnya peperangan teluk pada awal tahun sembilan puluhan ini sebagai "*The third wave technology vs the second wave technology*" (Mohd Yusof Othman, 1998). Dunia menyaksikan perubahan besar di akhir kurun ini, keruntuhan empayar Russia dengan keruntuhan regim komunis, perubahan suasana politik antarabangsa, penguasaan teknologi angkasa raya, sistem teknologi maklumat yang canggih, isu pencemaran alam sekitar, perubahan struktur dunia koporat, keinginan masyarakat untuk kembali kepada tradisi beragama. Semuanya merubah suasana dan cara hidup manusia samada di Barat mahupun di Timur. Pada masa yang sama negara-negara Islam berada dalam pergolakan antarabangsa dalam ertikata mereka sedang berhadapan dengan suatu gelombang tata dunia baru yang ditentukan bukan oleh negara-negara Islam malah oleh Amerika yang tentunya dalam semua keadaan tidak pernah bersimpati apatah lagi menyokong kelangsungan hidup dan kebangkitan negara Islam yang dapat membina tata dunia baru yang ditegakkan oleh Islam (Mohd Yusof Othman, 1998). Dunia abad ke 21 sedang menghadapi satu cabaran yang sangat hebat yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Antaranya ialah cabaran globalisasi dan hegemoni kuasa-kuasa Barat yang memberi implikasi yang amat luas terhadap ekonomi, politik, budaya dan sosial sesebuah negara. Perkembangan sains dan teknologi yang begitu pesat sejak abad ke 20 hingga kini berjaya di manfaatkan Barat dalam meluaskan pengaruh hegemoni dan neo kolonialisme. Barat memperalatkan sepenuhnya teknologi moden untuk memperkasakan cengkaman mereka ke atas masyarakat dunia. Fenomena ini merupakan cabaran utama yang dihadapi masyarakat tamadun Islam dan tamadun Asia hari ini. (Ahmad Zaki Abd Latiff et.al, 2015) Salah satu cabaran penting abad ini ialah cabaran alam sekitar dan persoalan yang berkaitan dengannya. Terdapat satu kajian yang dijalankan oleh Noor Shakirah Mat Akhir (2011). Kajian ini membincangkan berkenaan dengan alam sekitar dan peranan manusia dari perspektif pelbagai agama seperti Islam, Buddha, Kristian dan Hindu. Kajian ini juga bertujuan untuk mendokumentasikan ajaran pelbagai agama berkaitan alam sekitar serta penafsirannya dan menerangkan kaitannya dengan permasalahan alam sekitar masa kini. Secara umumnya kajian ini menghuraikan peranan yang dimiliki oleh manusia terhadap alam sekitar berdasarkan pandangan beberapa agama-agama besar dunia. Namun makalah ini akan memberi tumpuan terhadap Islam dan cabaran abad ke 21 menurut pemikiran Seyyed Hossein Nasr. Seterusnya, karya Mawil Izzi Dien (2000) adalah berkenaan dengan dimensi persekitaran dalam Islam. Penulis telah menghuraikan bahawa terdapat beberapa komponen persekitaran dalam Islam. Komponen ini termasuklah air, bumi dan kepelbagaian hidupan. Karya ini juga membincangkan tentang peranan dan tujuan penciptaan manusia oleh Allah SWT iaitu bertanggungjawab sebagai pemegang amanah. Selain itu, penulis juga menghuraikan berkenaan dengan etika alam sekitar menurut perspektif Islam. Beliau juga membincangkan tentang konsep hurma iaitu aspek kesucian pada segala ciptaan Allah SWT. Selain itu, kajian Abu Bakar Yang (2005) adalah berkenaan dengan pendidikan alam sekitar di Malaysia dari perspektif Islam. Dalam kajian ini, pengkaji telah menghuraikan beberapa perkara berkaitan dengan alam sekitar dari pandangan Islam. Antaranya termasuklah aktiviti menjaga alam sekitar ini merupakan salah satu ibadah kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, ibadah ini mencakupi usaha-usaha seperti aktiviti pertanian, perindustrian, memperbaiki taraf hidup serta menghindarkan diri dan bumi

daripada perkara-perkara yang boleh merosakkannya. Seterusnya, manusia itu merupakan khalifah yang perlu menjalankan amanah yang diberikan oleh Allah SWT kepadanya. Namun kertas ini akan memberi tumpuan terhadap Islam dan cabaran abad ke 21 menurut pemikiran Professor Seyyed Hosein Nasr

Cabaran ialah sesuatu unsur atau faktor yang mencabar seseorang atau sesuatu organisasi. (Kamus Dewan, Edisi Keempat 2005). Sepertimana yang diketahui cabaran yang dihadapi oleh umat Islam bukan saja besar malah pada hakikatnya ia rasa berdenyut secara perlahan-lahan dan tidak wajar dipandang remeh bagi mereka yang mengharapkan kebangkitan umat Islam semula dengan beraninya demi untuk kemajuan umat Islam itu sendiri. Cabaran ini jika tidak ditangani dibimbangi akan menjadi sebatil dalam setiap jiwa umat Islam. Penulis amat yakin dengan ketokohan dan kewibawaan Prof Dr Seyyed Hossein Nasr seorang sarjana kelahiran Iran yang menjadi ProfesordalambidangpengajianIslamdiGeorgeWashingtonUniversity,Washingto nD.C.Menulisdalampelbagai disiplinilmutermasuklahsejarah&falsafahsainsepistemologi, sufism,fizik,tokh yang prolifik hampir 35 buah karya tulisannya antara yang terkenal ialah "Sains dan Tamadun dalam Islam, Pengenalan Doktrin Kosmologi Islam, Falsafah Kesusasteraan dan Seni Halus,Kesenian Islam dan Kerohanian, Muhammad Insan Kamil, Sadr al-Din al-Shirazi & Hikmah Muta'aalliyah, Etika Kerja dalam Tradisi Islam, Pemikiran dan Kehidupan Islam, Kesempurnaan dan Hakikat Islam, Pengetahuan dan Suatu yang Suci dan banyak lagi karya beliau.Tidak syak Prof Dr Seyyed Hossein Nasr adalah seorang tokoh pemikir ulung di abad ini dan pemikiran beliau diiktiraf di dunia Islam mahu pun dunia antarabangsa.

2.0 Metodologi Kajian

Penulisan ini berbentuk kualitatif dengan metod analisis kandungan yang dilakukan secara deskriptif terhadap beberapa cabaran dan solusi yang dibincangnya yang tidak sahaja menuntut perpaduan di kalangan negara Islam malah menuntut pemikiran yang mendalam dalam pelbagai bidang politik, ekonomi, sejarah dan sosial.Pemilihan buku-buku berkaitan topik di atas adalah berdasarkan buku yang ditulis oleh sarjana dan pemikir yang berwibawa dalam bidang falsafah dan pemikiran.Ringkasnya penulis menggunakan kaedah penyelidikan keperpustakaan atau dikenali sebagai *Library Research* . Apa yang menarik Prof Nasr terkenal dalam analisisnya secara pendekatan tradisional. Konsep tradisi atau tradisional yang ditulis sepanjang tiga dekad menerusi pelbagai karyanya adalah berkait rapat dengan konsep din dalam ajaran Islam. Malah asas sebenar kewujudan tradisi ialah agama samawi. Ciri utama tradisi yang dimaksudkan ialah sifat keagamaan dan kekudusannya.Merujuk kepada tradisi Islam asas tradisi ini ialah al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad saw apabila ditujukan kepada agama Islam yang dimaksudkan pendekatan tradisional adalah pendekatan yang berasaskan penerimaan terhadap tradisi Islam secara keseluruhannya.Maka dalam memperkatakan tradisi Islam ia sebenarnya merujuk kepada tradisi aqidah, tradisi keilmuan, keserjanaan dan pemikiran, tradisi kerohanian, perundangan, siyasah, sains dan teknologi, kesenian dan kesusasteraan dan banyak lagi.(Osman Bakar,1989)

3.0 Dapatan dan Perbincangan

Profesor Nasr membahagikan cabaran abad ke 21 kepada dua bahagian iaitu cabaran luaran atau umum dan yang kedua cabaran dalaman atau khusus. Apa yang dimaksudkan dengan cabaran luaran adalah suatu cabaran yang datang dari luar dunia Islam atau juga dikenali sebagai cabaran umum di mana permasalahannya muncul atau disebabkan oleh faktor luaran. Dalam konteks ini Prof Nasr telah menyenaraikan beberapa perkara yang boleh dimasukkan di bawah cabaran luaran. Antara cabaran luaran adalah krisis alam sekitar, order global, sekularisasi kehidupan, perkembangan sains dan teknologi dan penerapan nilai-nilai bukan Islam. Apa yang dimaksudkan dengan cabaran dalaman adalah cabaran yang datang dari dunia Islam itu sendiri samada agama, kebudayaan mahupun tamadun itu sendiri. Antara cabaran dalaman atau khusus Prof Nasr menyebut sekurang-kurangnya lima perkara antaranya adalah tiada perpaduan, feminisme, hak asasi manusia, citra Islam (imej negatif umat) serta sikap atau pendirian beberapa tamadun lain terhadap Islam. (S.H. Nasr 1993; Hassan Ahmad, 2006)

Di sini kita boleh rumuskan beberapa dapatan yang berkaitan dengan topik perbincangan dalam penulisan ringkas ini. Antaranya ialah kurangnya kesedaran umat Islam dalam mempelajari dan menguasai ilmu sains dan teknologi berbanding dengan masyarakat Barat. Umat Islam tidak mempunyai sikap atau sifat jati diri malahan berpuashati dengan pencapaian yang sedia ada. Seterusnya, kelemahan umat Islam bukan hanya sekadar tidak peka tentang teknologi itu sendiri bahkan tidak juga menyedari perkembangan teknologi dengan apa yang sedang berlaku di dunia. Begitu juga tentang isu perpaduan sesama umat Islam masih dilihat sebagai permasalahan pokok berbanding pada zaman Ibn Sina dan al-Biruni meskipun terdapat perbezaan pendapat namun hubungan sesama saudara seaqidah tetap utuh tidak retak. Berkaitan isu Salman Rusdhi dan pembunuhan beramai-ramai umat Islam di Bosnia, Prof Nasr mengkritik keidakadilan sikap pemimpin Barat yang berat sebelah dan double standard. Akhirnya Prof Nasr menyeru kepada seluruh umat Islam supaya tidak bergantung kepada Barat semata-mata dalam menyelesaikan kemelut umat Islam. Biar kita sendiri yang menyelesaikannya dengan mengguna acuan dan formula kita sendiri. Inilah cabaran terbesar yang umat Islam mesti menguasainya iaitu cabaran Sains dan Teknologi. Selama mana tuntutan ilmu fardu kifayah tidak dipenuhi selama itulah kita tidak akan berjaya membebaskan diri dari pengaruh belenggu cengkaman Sains Barat Modern (S.H. Nasr. 1993)

4.0 Cabaran Luaran

4.1 Krisis Alam Sekitar

Profesor Nasr memulakan perbahasan sub topik di atas dengan menekankan betapa pentingnya topik tersebut berbanding dengan aspek kerohanian di mana ia merupakan kesinambungan kehidupan manusia itu sendiri. Beliau menjelaskan kepada kita Islam itu

mencakupi tiga dimensi iaitu Islam sebagai agama, kerajaan dan tamadun. Sesetengah cabaran ada kaitan dengan agama dan juga tamadun. Beliau mengakui krisis ini bersifat global dan sangat tragik dan apatah lagi cabaran ini bersifat ekonomik, politik, sosial dan keagamaan. Tidaklah penting bagi negara Islam menyibukkan krisis alam sekitar di Barat sedangkan di tempat sendiri banyak berlaku pencemaran terutamanya pencemaran udara. Apa yang penting sewajarnya negara Islam hendaklah bersedia untuk menangani krisis ini dan mempunyai plan tindakan untuk solusinya. Adalah tidak memadai dengan kita menulis beberapa artikel bagi menangani isu berkenaan dalam pelbagai bahasa di dunia ini. Seterusnya apa Prof Nasr kesal dan rasa sedih bila tiada ramai sarjana Islam yang peka berani bersuara akan isu ini kecuali hanya beberapa orang kerat sahaja termasuklah seorang mufti Syria iaitu Syakh Qaftar. Prof Nasr antara tokoh sarjana paling awal memperdebatkan isu ini bahkan orang yang bercakap isu krisis alam sekitar di Barat di mana pernah menyampaikan syarahan Rockerfeller di University Chicago dan kemudiannya terbit sebuah buku "*Manusia dan Tabie*" dalam pelbagai bahasa dunia seperti Turki, Bosnia, Inggeris. Beliau juga berasa sedih dan terharu ketika buku beliau diterbitkan ditengah-tengah isu pembunuhan beramai-ramai umat Islam Bosnia di Sarajevo tidak dapat berbuat apa-apa khususnya para cendekiawan Islam seluruh dunia. (S.H.Nasr, 1993)

4.2 Order Baru Dunia

Seterusnya cabaran yang kedua ialah cabaran order Barat atau order global. Prof Nasr menyifatkan bahawa ianya adalah satu bentuk penjajahan baru atau neo-kolonialisme yang dijelmakan dalam bentuk idea satu kampung baru. Hakikatnya ianya adalah satu penipuan dan idea yang cuba dipaksa oleh Barat ke atas bangsa lain seperti Cina, India, Arab, Melayu, Parsi dan lain-lain. Persoalannya siapakah yang memutuskan semuanya ini? Lagi penting apakah yang Barat maksudkan dengan global? Apakah nilai-nilai yang perlu ada dengan istilah global? Prof Nasr menegaskan sehingga kini umat Islam belum lagi mengemukakan order baru mereka yang tersendiri yang di dalamnya terdapat semua tamadun besar dunia atas nama persaudaraan, persahabatan dan kasih sayang. (Osman Bakar, 2008; Sidek Baba, 2009). Salah satu elemen penting order global tajaan Barat ialah lahirnya aliran falsafah pasca modenisme. Beliau mentakrifkan aliran pasca modenisme ialah satu aliran yang gagal mencari penyelesaian dalam modenisma yang bermaksud suatu falsafah khusus mengenai manusia, tuhan dan alam tabie. Apa yang dimaksudkan dengan modenisma itu yang asalnya dari perkataan "*moerna*" yang bererti manusia adalah makhluk yang bebas daripada sesuatu termasuklah Tuhan. Penekanan kepada akal dan rasionalisma sebagai kriteria tertinggi ilmu dan menolak penggunaan wahyu. Antara tokoh-tokoh terkenal seperti Jacques Derrida yang mendokong faham dekonstruksionisma iaitu meruntuh sesuatu yang lama kepada membina semula yang baru. Antara ciri pasca modenisme ialah membubarkan totalitarianism mengenai kemodenan barat termasuklah semua doktrin yang lain bagi mewujudkan satu fahaman yang baru. Dalam ertikata lain mereka berpegang kepada slogan "*lakukanlah sesuatu perkara menurut acuan anda sendiri*". Sebagai contoh Prof Nasr memisalkan Peter the Venerable sebagai orang yang cuba mentafsirkan semula makna al Quran serta menterjemahkannya ke dalam bahasa Latin sejak 900 tahun yang lalu. Begitu juga seorang lagi orientalis besar yang bernama Noldeke dan Danis. Ringkasnya dalam

faham modenisma aliran progresif di ambil kira dalam tradisi Barat terutamanya ketika pemilihan jawatan Perdana Menteri UK atau Presiden USA (S.H. Nasr,1993)

4.3 Sekularisasi Kehidupan

Cabaran yang ketiga tidak kurang pentingnya juga ialah cabaran pengsekularan atau sekularisasi dalam kehidupan. Dalam konteks ini Prof Nasr juga menjelaskan pada asasnya agama Islam dan Kristian mempunyai beberapa persamaan dari sudut etika khususnya larangan dalam agama yang tidak dibenarkan kepada penganut masing-masing seperti aspek seksualliti, minum keras berzina dan sebagainya. Dalam hal ini Prof Nasr mengistilahkan pengsekularan etika Kristian. Lebih tepat lagi apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah perlakuan homoseksual, lesbian dan liwat yang mana membawa kepada keruntuhan keseluruhan konsep perkahwinan Kristian. Liwat diperkenalkan sebagai satu alternatif gaya hidup baru menurut Kristian dan Judaisma. Begitu juga keruntuhan etika lain yang pernah diceritakan oleh guru Prof Nasr iaitu Ayatullah Syed Abu Hassan Ghasmini tentang disiplin askar Rusia Kristian Katolik yang bangun setiap jam 6 pagi untuk solat secara konsisten sehinggalah datang Lenin komitmen tersebut telah berkubur di situ. Sama hal demikian dengan perlakuan askar British ketika menduduki India, Moral mereka begitu tinggi seperti menepati waktu dan mematuhi arahan. Tetapi setelah British keluar dari India moral mereka kembali kepada asal. Maka dengan penamatan nilai-nilai Kristian di negara Barat sekaligus membawa kepada sekularisasi Kristian yang menjadi cabaran besar terhadap orang-orang Islam (S.H. Nasr, 1993)

4.4 Perkembangan Sains Dan Teknologi

Dalam cabaran ini Prof Nasr menjangkakan akan berlaku beberapa krisis dalam bidang sains dan teknologi kerana bagi beliau sains Barat hanya baru berkembang sekitar 4 abad yang lampau (400 tahun). Dengan kekuatan dan penguasaan Barat dalam kedua aspek ilmu tersebut mereka berjaya menguasai dunia melalui ketenteraan, ekonomi, media massa dan kebudayaan. Ternyata masa kini dunia Islam banyak dipengaruhi oleh kebudayaan Barat akibat daripada pergolakan politik dalaman atau konflik antara kemerdekaan politik dan kebergantungan budaya hasil dari penggunaan teknologi moden. Apa yang menjadi cabarannya bukanlah teknologi secara mutlak tetapi adalah para cendekiawan Islam tidak mengetahui perkembangan teknologi yang sedang berlaku bukan teknologi itu sendiri. Atas asas itu Prof Nasr ketika dalam syarahannya di UKM merasa gembira bila mengetahui di Malaysia terdapat pusat kajian sains Islam yang cuba melahirkan sains ikut acuan kita sendiri dan mengkritik sains Barat. Pusat kajian seumpama ini juga ditubuhkan di Turki dan Aligarh. Bagi Prof Nasr inilah merupakan cabaran kepada saintis dan tenokrat Muslim serta jurutera Islam menyediakan platform baru untuk sains Islam. Secara sinisnya beliau menyatakan bahawa orang Islam begitu cemerlang dalam bidang perundangan Islam dan bahasa Arab tetapi malangnya tidak memahami cabaran di atas (S.H. Nasr, 1993)

4.5 Penerapan Nilai-Nilai Bukan Islam

Cabaran selanjutnya ialah pengaruh nilai-nilai yang tidak Islamik samada nilai tersebut berkaitan dengan agama atau sebaliknya yang boleh diringkaskan kepada dua perkara iaitu pengaruh media massa dan pendidikan. Kebanyakan kita merasakan dua pengaruh tersebut telah berjaya diislamisasi sejak tahun 50an lagi apabila dunia Islam mencapai kemerdekaan masing-masing tetapi hakikatnya tidak berjaya mengekang pengaruh media massa Barat dan pendidikan Barat. Cabaran media barat seperti CNN, Reuters lebih berpengaruh dalam menentukan minda orang-orang Islam. Kebanyakan dunia Islam menerima informasi apa saja yang berlaku di dunia Islam termasuk di Barat melalui media Barat hatta dikatakan bahawa Saddam Hussein itu sendiri menonton CNN untuk mengetahui apa yang sedang berlaku di Iraq tetapi hakikatnya kebanyakan pemimpin dunia Islam menonton CNN untuk mengetahui apa yang sedang berlaku di Libya dan Mesir atau sesetengah tempat yang lain. Bentuk cabaran sedemikian dikenali juga sebagai revolusi maklumat dan satu lagi gelombang yang kedua ialah revolusi saintifik yang di dalamnya boleh mendapatkan semua maklumat dengan hanya menekan hujung jari di butang papan kekunci komputer. Cabaran ini memerlukan solusi seperti penciptaan perisian bahasa Arab dan Parsi. Walau bagaimanapun dunia Islam masih perlu berusaha untuk keluar daripada cabaran ini. (S.H. Nasr, 1993)

5.0 Cabaran Dalam

5.1 Tiada Perpaduan

Ia merupakan cabaran utama dan besar terhadap dunia Islam iaitu tiada perpaduan di kalangan orang Islam samada dari sudut agama, politik mahupun budayanya. Dalam isu ini kita tidak boleh menyalahkan pihak luar samada pihak Barat atau China atau India-Hindu. Akibat ketiadaan perpaduan di kalangan dunia Islam adalah mudah pihak luar yang ingin mengambil kesempatan dari segi ekonomi untuk memecah belahkan negara Islam. Prof Nasr memberikan satu analogi yang menarik berkaitan isu ketiadaan perpaduan ini dengan sebuah pasukan bola sepak yang terdiri dari 11 orang pemain. Hakikatnya bagi beliau berlakunya perkara ini ada kaitan dengan kurang kesedaran intelektual kita sendiri termasuk juga kerohanian, warisan seni dan faktor penjajahan. Kadangkala kita mempunyai sikap paradoks sendiri apabila Islam digambarkan sebagai agama yang menitik berat tentang isu perpaduan tetapi ternyata secara praktisnya adalah berlawanan. Seterusnya Prof Nasr memberi kita satu contoh betapa sukarnya beliau ingin berkomunikasi dengan ibunya di Teheran terpaksa melalui operator talipon di Perancis. Begitulah jika dua orang yang berbeza (Parsi dan Arab) negara dan bangsa ingin bertemu terpaksa bertemu samada di Mekah atau di Amerika?. Ini merupakan satu persoalan yang amat menarik dikemukakan oleh Prof Nasr. Sebab itu di dunia Islam seperti di Mesir atau Tunisia isu persaudaraan umat masih lagi diberikan penekanan dapat menyatukan sebahagian masyarakat dan pimpinannya. Kini semua fenomena tersebut dapat dijemakan dalam bentuk acara sukan, amalan bacaan al-Quran dan pameran kesenian. Malahan sebelum ini sudah terdapat gerakan Pan-Islamisme Jamaludin Al-Afghani dalam sejarah Islam gerakan umat Islam abad lalu. Apa yang menariknya menurut Prof Nasr seorang warga Sudan tidak akan bertukar menjadi warga Parsi, begitu juga warga Parsi tidak menjadi Melayu. Sekiranya kita tidak dapat mengekalkan momentum tersebut dunia Islam akan menjadi lemah berpecah dikuasai

semuanya bercampur aduk. Pada satu sudut ianya dilihat sebagai satu ancaman dan pada sisi yang lain pula adalah sebalik. Sekali lagi beliau memberikan kepada kita contoh perbezaan pendapat dan perdebatan yang sihat antara Al-Biruni dan Ibn Sina serta antara ilmu kalam dan ilmu falsafah. Justeru itu menurut Prof Nasr cabaran utama ialah kepada orang Islam masa kini adalah cabaran keintelektualan, ekonomi dan juga ketenteraan. Hakikatnya cabaran-cabaran inilah yang menyebabkan Barat dapat menyerang dunia Islam dengan mudah yang bukanlah sangat disebabkan oleh kekuatan Barat tetapi sebenarnya oleh kerana perpecahan umat Islam. Seterusnya beliau memuji Malaysia antara negara Islam yang menjuarai isu perpaduan. Prof Nasr menambahkan satu lagi cabaran lain terhadap dunia Islam iaitu Barat adalah penentu segala keputusan dalam sebarang mesyuarat meskipun yang berkaitan dengan urusan umat Islam sejagat. Dan ini merupakan agenda perancangan Barat sejak dahulu lagi untuk menguasai dunia pada masa lalu, kini dan akan datang. (S.H. Nasr, 1993). Dalam konteks ini perpecahan besar umat Islam kepada dua golongan iaitu golongan Sunni dan golongan Syiah dan perpecahan tiap-tiap golongan ini pula kepada mazhab-mazhab yang lebih kecil lagi. Tidak dapat dinafikan bahawa kewujudan pelbagai mazhab dalam Islam menimbulkan masalah besar kepada umat Islam hari ini. Tetapi penyelesaiannya bukanlah dengan menganjurkan gerakan bagi menghapuskan mazhab. Solusinya bukan dengan berpura-pura seolah-olah tidak wujud perbezaan hakiki di kalangan umat Islam. Begitu juga tidak memadai dengan seruan dan laungan supaya kita semua melupakan mazhab masing-masing. Perpaduan hanya dapat dicapai sekiranya kita mengambilkira bukan saja faktor yang menyatukan kita tetapi juga faktor yang memisahkan yang satu daripada yang lain. Penyelesaian tradisional adalah dijelaskan punca-punca munculnya pelbagai mazhab dan juga hikmah disebalik kemunculan mazhab ini. Seterusnya masyarakat Islam dididik untuk memahami ajaran pokok yang menyatukan mereka sebagai umat Nabi Muhammad saw dan menghormati perbezaan di kalangan mereka perkara yang tidak dapat dielakkan. (Osman Bakar, 1989)

5.2 Feminisme

Dalam cabaran isu di atas Prof Nasr mentakrifkan feminisme suatu faham mengenai kebangkitan kewanitaan di Barat. Beliau banyak kali telah berdebat isu ini di mana Barat sentiasa menyerang mengenai sikap Islam terhadap wanita pada setiap masa dan cabaran ini beliau sifatkan sebagai agenda kemanusiaan sosial bukannya agenda politik. Jika pendokong faham feminisme ini berdebat satu kurun yang lalu pasti timbul pelbagai masalah. Pada beliau golongan ini sedang melakukan perubahan sosial atau apa yang disebut sebagai pemberian hak mutlak kepada nilai-nilai yang sentiasa bertukar yang mungkin berubah pula pada tahun 2093? Prof Nasr menegaskan berulang kali bahawa pihak Barat tiada hak memaksa dunia Islam mengikut perubahan sosial yang cuba dilakukan mereka dan pada masa yang sama tidak menolak teknologi Barat yang positif, bermanfaat diguna pakai oleh semua orang seperti teknologi penerbangan dan lain-lain. Seterusnya beliau memberi contoh akibat faham feminisme di Amerika kadar perceraian berada di sekitar 50-60 peratus di mana anak-anak dibesarkan dalam keluarga ibubapa tunggal, peningkatan 10 kali ganda kanak mengandung dan pembunuhan remaja. Ini seolah-olah kami mengimpot teknologi Senegal bukan Amerika. Justeru itu Prof Nasr mencadangkan solusinya dengan

menyelesaikan masalah sosial mengikut acuan sendiri bukan meniru atau mengimpor dari luar. (S.H. Nasr,1993)

Dari segi sejarahnya feminisme adalah suatu kepercayaan kepada persamaan antara kedua-dua jantina dalam aspek sosial politik dan ekonomi. Di negara kita bibit feminisme sudah muncul dengan kewujudan kumpulan Sisters in Islam yang dipengaruhi oleh pemikiran Amina Wadud. Kelompok pertama yang fokus kepada teks-teks Quran yang diketuai oleh Amina Wadud, Fatima Nasif dan Rifaat Hassan. Kelompok kedua yang melaungkan penyemakan semula hadith seperti Fatima Mernissi dan Hidayat Tuksal. Kelompok ketiga yang mengaplikasikan pemahaman semula AL Quran dalam penyemakan semula hukum syariah seperti Azizan AL Hibri dan Shahin Sardar Ali

Ciri-Ciri Feminisme

1. poligami tidak sah dan mesti dinyatakan batal dalam undang-undang.
2. Perkahwinan antara pasangan berlainan agama mesti dikira sah.
3. Masa Iddah bukan untuk wanita sahaja tetapi untuk lelaki juga iaitu selama 130 hari
4. Bahagian hak harta pusaka anak lelaki dan wanita adalah sama (Ismail Mamat, 2012)

5.3 Hak Asasi

Cabaran yang selanjutnya ialah hak asasi manusia yang bersifat kebudayaan dan kefalsafahan. Hak asasi merupakan sebarang nilai yang berkembang dari satu falsafah khusus di mana manusia adalah bebas dari tuhan dan membentuk hak semulajadi. Ia tidak membawa sebarang erti dalam konteks Islam kerana semua nilai-nilai datang dari tuhan. Manusia pula sebelum dilantik sebagai khalifatullah hendaklah menjadi hamba Allah dahulu. Bagi para pejuang dan pendokong hak asasi manusia menyifatkan pelantikan manusia sebagai khalifah Allah umpama tukang kebun kecil mempunyai kuasa total tentang alam tabie melebihi manusia lain atau tamadun lain tanpa menjadi hamba Allah dan pekerja Allah. Inilah yang mereka cita-citakan selari dengan piagam Bangsa-Bangsa Bersatu yang menggelar mereka sebagai manusia moden. Hakikatnya idea tentang memiliki hak yang mutlak adalah seumpama idea menjadi tuhan kecil iaitu mempunyai hak yang mutlak dengan mempunyai kuasa yang mutlak. Sebenarnya hak yang mutlak adalah kepunyaan tuhan bahkan mereka sendiri pun adalah milik tuhan semata-mata. Bagaimana Barat menyeleweng makna penggunaan hak asasi manusia secara terpilih. Sebagai contoh Salman Rushdie yang jelas terang-terang menghina agama diberi hak asasi untuk dilindungi berbanding dengan 20 ribu orang yang terbunuh hanya dari jarak 800 kilometer tidak diambil peduli oleh sesiapa pun. Inilah sebahagian dari order baru global yang bias atau double standard. Dan inilah juga hakikatnya ialah sebagai satu lagi cabaran iaitu idea yang semata-mata mengikut agenda orang lain yang perlu dijawab pada masa akan datang. Dalam konteks ini sekali lagi Prof Nasr memuji negara kita Malaysia kerana berani dengan lantang mengkritik isu hak asasi manusia yang terpilih berbanding negara lain yang mengambil sikap "playsafe" dan sebagainya. Meskipun negara-negara Islam telah berjaya mendapatkan satu deklarasi namun pembunuhan terhadap ribuan umat Islam terus berjalan (S.H.Nasr, 1993)

5.4 Citra Islam

Profesor Nasr menyifatkan cabaran ini sebagai cabaran yang khusus terhadap umat Islam iaitu terdapat gambaran atau imej yang negatif yang mana ia akan membawa kesan yang besar berbanding jika yang melakukannya orang bukan Islam seperti ia tidaklah memberi kesan yang seberapa sangat dalam kehidupan mereka. Pendekatan menghadapi mereka melalui penulisan dan penyebaran telah lama dilakukan oleh Prof Nasr namun beliau bukan saja melalui buku bahkan melalui filem. Meskipun begitu ia masih lagi kurang berjaya atau berkesan, hakikatnya imej negatif yang dilabelkan oleh Barat masih kekal tidak terpadam. Filem yang diterbitkan oleh beliau berjudul "*Islam dan Barat*" yang ditayangkan di Amerika ditonton lebih daripada 40 juta. Namun bagi pandangan Prof Nasr beliau masih gagal lagi untuk menghentikan isu pembunuhan beramai-ramai umat Islam di Bosnia. Begitulah bagi mereka yang asyik mengadakan rundingan demi rundingan atau meminta apa-apa resolusi namun hanya tinggal resolusi dan resolusi tiada berjaya mengubah atau merubah apa-apa pun keputusan atau perkara. (S.H.Nasr, 1993)

5.5 Sikap Tamadun Lain

Sikap tamadun lain seperti tamadun India, China dan Jepun adalah juga merupakan cabaran terhadap dunia Islam. Dalam tamadun India cabaran terhadap India Muslim yang telah pun wujud sejak 30 tahun yang lalu iaitu pada abad ke 16 di mana masjid yang telah dibina orang Babar telah memberi banyak tanah di sekeliling masjid bagi membolehkan kuil Hindu didirikan di mana penjaga kuil Hindu hidup dalam keadaan aman dan persaudaraan dengan orang Islam telah bertukar kepada pemusuhan kebencian dan sebagainya sejak 2 tahun kebelakangan ini serta menjadi satu ancaman kewujudannya sebagai satu komuniti. Begitu juga dalam tamadun China faham Konfucianisme atau Konfucius di China sedang bangkit semula bahkan Prof Nasr melihat penyebaran faham ini masuk juga ke Jepun, Korea Utara, Korea Selatan, Taiwan dan Vietnam dan Indo-china. Ini kerana pengaruh etika kongfuzi telah meresapi dunia Hindu-India, Ortodok Rusia, Romania, Greek dan Krstian ortodok. Mengenai tamadun Afrika Prof Nasr menjelaskan bahawa kebanyakan pembuat dasar di Amerika bukanlah secara kebetulan. Malahan ia boleh memberi kesan terhadap pembuat keputusan di Barat dan ini merupakan cabaran yang paling penting terhadap dunia Islam yang juga merupakan kumpulan minoriti umat Islam di Amerika. Apa yang berlaku di Bosnia, orang Turki di Jerman, orang Algeria dan Moroko di Perancis ada kaitan dengan usaha Barat untuk menghapuskan sebarang bukti kewujudan Islam di sana. Selanjutnya Prof Nasr menghuraikan lagi fenomena ini dengan analisisnya melalui bukunya yang bertajuk "*Islam Tradisional dalam dunia Modern*". Mengenai cabaran Barat terhadap dunia Islam Prof Nasr menamakan seorang tokoh terkemuka tamadun Barat Prof Samuel Huntington dari universiti Harvard yang menganggap Islam sebagai musuh utama Barat dan kematian ideologi adalah satu sumber perjuangan serta kelemahan Nasionalisme akan mengakibatkan dunia berdepan dengan konfrontasi tamadun. Sebagai contoh Dubai dan Qatar telah membeli senjata dari Barat bagi melindungi dari bahaya serangan Iran dan Iraq. (S.H.Nasr, 1993)

6.0 Kesimpulan

Prof Nasr telah menyimpulkan dengan satu fakta penting iaitu Islam atas nama tamadun atau agama perlu menyediakan jawapan alternatif terhadap cabaran agama –agama lain di dunia terhadap Islam seperti Islam dan Hinduisme, Islam dan Taoisme, Islam dan Judaisme, Sabeanisme, Zoroasterianisme, Confuciousnisme, Buddhisme dan semua agama lain untuk membezakan agama ini dari agama-agama palsu yang disebar di seluruh dunia. Bagi Prof Nasr dunia Islam tidak wajar menyalahgunakan konsep kesejagatan Islam dan menolak faham kedaerahan. Satu pandangan beliau yang agak kontroversial bagi penulis apabila beliau menyarankan supaya dihapuskan perbezaan antara agama-agama yakni Islam itu disebut secara bersama-sama dengan Buddhisme dan Hinduisme (Buddha, Krishnamurti dan Nabi Muhammad SAW) Fakta yang kedua fikrah Imam Mahdi yang membayangi pemikiran masa depan samada pihak Sunni atau Syiah. Berdasarkan kepada sumber teks Sunni dan Syiah Islam pada akhir zaman Islam akan akan dirujuk untuk melindungi agama-agama lain. Dalam agama Kristian tradisi adalah semakin berkurangan walaupun tidak secara total. Prof Nasr lebih suka menggunakan istilah “kerohanian berbanding istilah agama. Dalam konteks yang lain beliau menyebut istilah *“De Sekularisasi” dan Asianisasi Semula Jepun*” Prof Nasr akhirnya percaya dan yakin bahawa Islam akan menjadi benteng dan pemelihara samada ajarannya sendiri mahu pun juga agama lain dan memainkan peranan yang besar dalam menghadapi cabaran abad ini. Prof Nasr adalah salah seorang sarjana tradisional terkemuka pada kurun ini. Seluruh kerjaya ilmiahnya tertumpu kepada pembelaan tradisi Islam dalam segala segi dan dimensi. Pada zaman sekarang umat Islam memerlukan lebih ramai sarjana dan pemikir yang berpandangan jauh berfikir luas dan mendukung perspektif keagamaan dan keilmuan yang bersifat semesta yang melangkaui segala perspektif dan kepentingan kepuakan. Dalam mana-mana masyarakat pun ketegangan antara puak-puak yang berlainan pandangan dan perspektif tidak dapat dielakkan. Dengan adanya pemikir seperti ini dapatlah diredakan pertikaian di kalangan pelbagai golongan dan puak di dalam masyarakat Islam. Akhir sekali dapatlah kita simpulkan di sini antara kesan pengabaian Sains dan teknologi akan menyebabkan sekurang-kurangnya umat Islam menjadi mundur, ditindas serta bergantung kepada kuasa Barat.

Penghargaan

Penulis merakamkan jutaan terima kasih semua pihak terutamanya kepada rakan penulis bersama bagi menjayakan suatu ulasan terhadap pemikiran tokoh besar ini. Tidak lupa juga kepada Ketua Pusat Pengajian Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Perlis dan seterusnya kepada mereka yang tidak dapat disebut nama mereka satu persatu yang mencadang dan menyokong topik ini diangkat sebagai suatu perbincangan ilmiah

7.0 Rujukan

Abd Latif Samian (2000) *Perkembangan Sains dan Peradaban Manusia* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

- Abdul Rahman Abdullah (1995) *Falsafah Alam Semesta Dalam Sejatah Tauhid Melayu* Petaling Jaya: Access Infotech Sdn Bhd
- Ahmad Zaki Abd Latif ,Azam Hamzah, Azhar Mad Aros (2015) *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)* Edisi KETIGA Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd
- Ahmad, Hassan (2006) *Ke Arah Kelahiran Melayu Glokal*. Shah Alam: Alaf 21 SDN BHD
- (2002) *Imbasan* Edisi Kedua Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, S.M.N (2020) *Islam and Secularism* (terj) Khalif Muammar A.Harris Kuala Lumpur: RZS-CASIS-HAKIM.
- Baba, Sidek (2009) *Acuan Minda* Shah Alam: Alaf 21 SDN BHD
- Bakar Osman (2008) *Pengaruh Globalisasi Terhadap Peradaban* Jurnal Dialog Peradaban Universiti Malaya Jilid 1 2008 hlm 75-97.
- Dusuki, Ahmad (2004) *Pembaharuan Pemikiran Islam Tun Dr Mahatir Mohammed* Kuala Lumpur: RD NETWORK SDN BHD.
- Jauzi, Mohd Idris, (1990) *Faham Ilmu, Pertumbuhan dan Implikasi* Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Ismail Mamat (2012) *Isu-Isu Semasa Aqidah dan Pemikiran Islam* Kuala Lumpur: Open Universiti Malaysia (OUM).
- Izzi Dien, Mawil (2000) *The Environmental Dimensions of Islam* Cambridge: The Lutterworth.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahathir Mohammad (2000) *Menghadapi Cabaran* Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd.
- (2001) *Islam and the Muslim Ummah* Selected Speeches of Dr Mahathir Mohammad Subang Jaya: Pelanduk Publications(M) Sdn Bhd.
- Mat Akhir, Noor Shakirah (2011) *Alam Sekitar dan Manusia: Kajian dari Perspektif Pelbagai Agama* Geran Penyelidikan Research Universiti Minden: USM.
- Mohd Yusuf Othman (1998) *Isu-Isu dalam Ilmu dan Pemikiran* Kajang: Aras Mega (M) Sdn Bhd.
- Mohd Yusuf Othman (1998) *Penjanaan Pemikiran Saintifik, Kritis dan Kreatif* Kertas Kerja Sempena Wacana Pengukuhan Akademik Shah Alam: CITU UiTM Shah Alam.
- Mohd Zuhdi Masduki (2002) *Etika Alam Sekitar Dari Perspektif Islam, Timur dan Barat* Bentong: PTS Publications.
- Muhammad Hazim Mohd Azhar (2021) *Wacana Dekolonisasi Ilmu Dan Pembentukan Kearifan Tempatan* RJS, Vol 8 No 1, hlm 65-88.
- Nasr S.H (1984) *Science and Civilization in Islam* Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar
- Nasr S.H (1990) *Islam and the Environmental Crisis* MASS Journal of Islamic Science July-Dec Vol 6 No 2 .
- Nasr S.H (2004) *Muhammad Insan Kamil* (terj) Baharudin Ahmad Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasr S.H. (1989) *Etika Kerja dalam Tradisi Islam* (terjemahan) Nasir Muhamad (Kata Pengantar) Osman Bakar Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Nasr S.H. (2010) *Pengenalan Doktrin Kosmologi Islam* (terj) Baharudin Ahmad & Osman Bakar Edisi Kedua Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .

Commented [1]:

- Nasr, S. H. (1993). *Islam and the Challenge of the 21st Century*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ (1993) *Islam and the Challenge of the 21st Century* (terjemahan tidak diterbitkan)) Khalid Ismail (2006) *Islam dan Cabaran Abad Ke 21 Arau* : Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam UiTM Perlis.
- Panel Penulis. (2003). *Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pisoi Maidin et.al (2012) *Kesepaduan Agama dan Sains* Shah Alam: Penerbitan UiTM, UiTM Press.
- Rahim, Jaafar (2015) *Dunia Pemikiran Jaafar Rahim* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Toffler A (1980) *The Third Wave*, New York: Bantam
- Yang Abu Bakar (2005) *Pendidikan Alam Sekitar di Malaysia dari Perspektif Islam* Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Zulekha Yusoff & Asmak Ali (2008) *Ikhtisar Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam* Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM